

MAKLUMAT UMUM

PERATURAN

Peraturan yang termaktub untuk pendaftaran kapal di Malaysia adalah Bahagian IIA, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952) yang dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak pada 1 Jun 1991.

PELABUHAN PENDAFTARAN

Pelabuhan Pendaftaran di Malaysia adalah :

1. Pulau Pinang
2. Pelabuhan Kelang
3. Kota Kinabalu
4. Kuching

PENGECUALIAN DARI PENDAFTARAN

Kapal yang dikecualikan dari pendaftaran adalah seperti berikut :

1. Mana-mana kapal yang tidak melebihi 15 tanan bersih (net tonnage) yang digunakan untuk navigasi di sungai dan pesisiran laut Malaysia.
2. Mana-mana kapal yang berlesen menurut seksyen 475, OPS 1952
3. Mana-mana kapal ikan yang beroperasi dalam Malaysia (tempatan) yang tidak melebihi 500 tanan kasar di mana kapal ini dilesenkan di bawah mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan perikanan.

KELAYAKAN PEMILIK KAPAL

Kapal dimiliki oleh warganegara Malaysia atau sekiranya badan korporat perlu memenuhi syarat berikut :

1. Ditubuhkan di Malaysia
2. Ibu pejabat syarikat di Malaysia
3. Majoriti pengarah dan rakan kongsi (termasuk perkongsian yang diundi) syarikat dipegang oleh warganegara Malaysia yang bebas dari sebarang amanah atau kewajipan. Majoriti dalam perihal ini adalah 51% tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh Menteri.

KEPERLUAN PEMERIKSAAN DAN UMUR KAPAL

Tiada sekatan yang dikenakan untuk kapal yang boleh didaftarkan. Walaubagaimanapun, kapal-kapal tangki minyak dan pukal yang berusia 20 tahun dan ke atas perlu memohon kelulusan dari Pendaftar Besar Kapal-Kapal Malaysia yang mana dokumen-dokumen sokongan seperti di bawah perlu dikemukakan untuk semakan dan pertimbangan:

1. Surat permohonan daripada pemilik kapal;
2. Sijil Pendaftaran Kapal yang terdahulu;
3. Semua rekod Sijil Sinopsis Rekod Berterusan (dari nombor 01 sehingga terkini);
4. International Tonnage Certificate (ITC 1969);
5. International Oil Pollution Prevention (IOPP);
6. Cargo Ship Safety Construction Certificate;
7. Cargo Ship Safety Equipment Certificate;
8. International Loadline Certificate; dan

9. General Arrangement Plan.

Bagi kapal-kapal tangki dan pukal berusia 20 tahun dan ke atas, kapal perlu digalang dan diperiksa oleh Pemeriksa Jabatan terlebih dahulu sebagai syarat untuk mendapatkan Sijil Pendaftaran Sementara.

PERSIJILAN KAPAL

Segala urusan yang berkaitan dengan:

1. Persijilan Statutori Kapal & Badan Klasifikasi Kapal
Diuruskan oleh Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM)
Emel: bkim@marine.gov.my

2. Auditan Kod ISM
Diuruskan oleh Bahagian Kawalan Industri Maritim
Emel: bkim@marine.gov.my

3. Sijil Keanggotaan Selamat dan Perakuan Pelaut
Diuruskan oleh Bahagian Kawalan Industri Maritim
Emel: bkim@marine.gov.my

4. Sijil Insurans dan Liabiliti
Diuruskan oleh Bahagian Pendaftaran Kapal (BPK)
Emel: registry@marine.gov.my